

PENDIDIKAN VOKASIONAL PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS KE ARAH MEMENUHI PASARAN PEKERJAAN

Anizam Mohamed Yusof

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussien Onn Malaysia

aniza@uthm.edu.my

Manisah Mohd Ali & Amla Mohd Salleh

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia.

[& mma@ukm.my](mailto:mma@ukm.my) amlamohd@ukm.my

Abstrak

Sekolah merupakan satu institusi pendidikan untuk pelajar berkeperluan khas memperoleh pengetahuan dan kemahiran. Kajian kes ini cuba untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran yang diberikan oleh pihak sekolah kepada pelajar berkeperluan khas sebelum mereka memasuki pasaran pekerjaan. Lapan orang guru di sekolah menengah pendidikan khas vokasional telah ditemu bual menggunakan satu set protokol temu bual. Guru yang ditemu bual mempunyai pengalaman lebih lima tahun mengajar pelajar berkeperluan khas di sekolah tersebut. Data temu bual yang diperoleh telah ditranskripsikan dalam bentuk verbatim. Kata kunci atau frasa telah diekstrak, dikelompokkan, dan diterjemahkan dalam bentuk tema. Tema-tema yang timbul adalah kemahiran asas, kemahiran berkaitan dengan pekerjaan, kemahiran interpersonal dan kualiti peribadi. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa guru telah menerapkan kemahiran kebolehkerjaan (employability) kepada pelajar berkeperluan khas. Kajian ini mempunyai implikasi kepada penyediaan kemahiran kebolehkerjaan yang sesuai berdasarkan kekuatan dan kebolehan pelajar berkeperluan khas.

Bidang Kajian: pendidikan vokasional, pelajar berkeperluan khas, kemahiran kebolehkerjaan.

1. Pengenalan

Data rasmi bilangan pelajar berkeperluan khas di Malaysia meningkat secara berterusan dalam tempoh lima tahun (2006-2010). Statistik dalam Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar berkeperluan khas di sekolah-sekolah kerajaan Malaysia iaitu Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Bilangan ini tidak termasuk pelajar berkeperluan khas di peringkat prasekolah. Walau bagaimanapun, ia masih tidak menggambarkan jumlah sebenar pelajar berkeperluan khas kerana sebahagian daripada mereka berada di sekolah-sekolah swasta dan juga pusat pemulihan dalam komuniti (PDK) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadual 1: Statistik pelajar berkeperluan khas bagi tahun 2006 hingga tahun 2010

Kategori pelajar berkeperluan khas	2006	2007	2008	2009	2010
Pelajar bermasalah penglihatan	699	782	744	813	853
Pelajar bermasalah pendengaran	3,478	3,775	3,495	3,313	3,053
Pelajar bermasalah pembelajaran	21,205	24,340	25,968	34,782	41,296
Jumlah	25,382	28,897	30,207	38,908	45,202

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia (2011)

Pelajar berkeperluan khas telah dikenal pasti sebagai pelajar yang mempunyai kekurangan fizikal-deria dan ketidakmampuan belajar. Namun, merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM (1996), pelajar berkeperluan khas adalah mereka yang mengalami sebahagian atau kecacatan penuh visual atau pendengaran atau ketidakupayaan untuk belajar. Di Malaysia, pelajar berkeperluan khas ditempatkan di bahagian pendidikan khas melainkan pelajar yang mempunyai kecacatan fizikal dan tiada masalah mental ditempatkan di sekolah beraliran perdana bersama pelajar tipikal yang lain. Akta 550 dalam Akta Pendidikan menyatakan bahawa program pendidikan kebangsaan hanya menerima pelajar berkeperluan khas yang boleh dididik dan mereka boleh menguruskan diri sendiri tanpa bantuan serta berkebolehan untuk mengikuti pembelajaran yang telah disahkan oleh pegawai perubatan (Bahagian Pendidikan Khas, 2006; Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996). Oleh itu, Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) di bawah KPM diwujudkan khusus bagi merangka serta menyediakan program pendidikan untuk tiga jenis kecacatan tersebut iaitu pendengaran, visual dan ketidakmampuan belajar (Mohd Tahir Lokman, Mustafa Nurul Qistin, & Mohd Yassin Mohd Hanafi, 2009; Manisah, Ramlee, & Zalizan, 2006).

Selain daripada merancang penyediaan program pendidikan, pihak KPM juga memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat hak pendidikan formal yang sama dengan pelajar tipikal. Penyediaan SPK dan PPKI di sekolah-sekolah harian biasa pada peringkat rendah dan menengah oleh pihak KPM telah menunjukkan komitmen kerajaan dalam memberi peluang pendidikan kepada golongan pelajar berkeperluan khas (Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali, & Salleh, 2012). Menyedari pelajar berkeperluan khas juga merupakan populasi yang tidak terkecuali dalam persiapan menjadi tenaga kerja, pihak kerajaan telah menyediakan pendidikan vokasional kepada mereka.

2. Penyediaan Pendidikan Vokasional Pelajar Berkeperluan Khas

Pada peringkat awal, program pendidikan khas adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar berkeperluan khas mempelajari dan menguasai kemahiran hidup (Anizam Mohamed Yusof et al., 2012). Silibus pendidikan khas pada ketika itu hanya sekadar untuk tujuan keperluan hidup (Mohd Tahir Lokman, Mustafa Nurul Qistin, & Mohd Yassin Mohd Hanafi, 2009). Oleh kerana pelajar berkeperluan khas juga mampu menjadi aset penting kepada negara dan boleh menyumbang untuk pembangunan ekonomi, pihak KPM telah menyediakan program pendidikan vokasional kepada mereka. Program pendidikan vokasional dapat memberi peluang kepada pelajar berkeperluan khas untuk memperoleh ilmu dan latihan kemahiran yang berkaitan dengan pekerjaan.

Kajian menunjukkan pendidikan vokasional mampu membantu pelajar berkeperluan khas dalam mendapatkan kemahiran dan berperanan sebagai persiapan untuk mereka bersaing dalam pasaran pekerjaan (Krajewski & Callahan, 1998; Mohd Tahir Lokman et al., 2009; Ramlee, 2004). Selari dengan

matlamat dan fungsi utama pendidikan vokasional bagi pelajar berkeperluan khas iaitu menerapkan kemahiran yang boleh memberi mereka peluang memperoleh pekerjaan untuk hidup berdikari (Walls & Fuiimer, 1997). Justeru, pelajar berkeperluan khas boleh memperoleh dan mengembangkan kemahiran untuk mengatasi cabaran hidup serta berupaya menjadikan mereka inividu yang produktif. Selain itu, pendidikan vokasional merupakan latihan asas kepada pekerjaan yang sesuai dengan kekurangan mereka. Pendidikan vokasional bagi pelajar berkeperluan khas adalah untuk memenuhi keperluan kurikulum yang lebih fleksibel, berfokus, menarik dan bersesuaian dengan keupayaan serta kebolehan pelajar berkeperluan khas dalam menguasai sesuatu kemahiran (Jabatan Pendidikan Khas, 2005). Menerusi program pendidikan ini, pelajar berkeperluan khas berpeluang memperoleh kemahiran-kemahiran berkaitan dengan akademik, komputer, sosial, kehidupan, pravokasional dan vokasional (Zainudin Mohd. Isa, Noraini Salleh, & Ramlee Mustapha, 2009).

Sehingga tahun 2010, terdapat tiga buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV), sebuah Sekolah Menengah Pendidikan Khas (SMPK) dan tiga buah sekolah PPKI yang menawarkan kursus mata pelajaran vokasional (MPV), serta lima buah sekolah aliran vokasional PPKI disediakan untuk pelajar berkeperluan khas (Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Pendidikan serta latihan vokasional tersebut merupakan salah satu usaha untuk mengembangkan keupayaan golongan pelajar berkeperluan khas dalam persediaan ke alam pekerjaan. Melalui pendidikan vokasional, pelajar berkeperluan khas memperoleh kemahiran-kemahiran yang membolehkan mereka mendapat pekerjaan. Persediaan ke alam pekerjaan memerlukan penguasaan ilmu dan kemahiran-kemahiran yang dapat memenuhi kehendak majikan.

Namun sebahagian daripada pelajar berkeperluan khas tidak menguasai kemahiran-kemahiran seperti komunikasi, menyelesaikan masalah, kemahiran tingkah laku, bekerja berkumpulan, asas akademik, interpersonal, komputer, pengurusan masa, mengurus diri, tidak yakin, mengikut arahan, pengurusan personaliti dan integrasi sosial (Hiller et al., 2007; Melissa, Yen, & See, 2011; Shier, Graham, & Jones, 2009; Singley, 2003; Zainudin Mohd. Isa et al., 2009). Kemahiran-kemahiran yang dinyatakan ini adalah kemahiran kebolehkerjaan yang diperlukan untuk membolehkan seseorang memperoleh pekerjaan. Kebanyakan majikan memerlukan pekerja yang menguasai pelbagai kemahiran kebolehkerjaan (Ahmad, 2007; Brown, 2002; Callan, 2003). Namun apa yang berlaku semasa persediaan pelajar di institusi pendidikan ialah pelajar tidak dapat menguasai kemahiran kebolehkerjaan yang penting mengikut kehendak majikan (Monahan, 2003; Shier et al., 2009; Zainudin Mohd. Isa et al., 2009). Oleh itu, satu kajian penerokaan dijalankan terhadap kemahiran kebolehkerjaan yang diterapkan oleh guru kepada pelajar berkeperluan khas.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kualitatif di mana pemungutan dan analisis melibatkan data yang bukan numerikal. Kaedah kajian adalah berdasarkan temu bual dan transkripsi dalam memahami isu yang tertentu. Pendekatan ini boleh membentuk pengkaji mengumpulkan data yang banyak secara mendalam dan ia tidak dapat dilakukan melalui kaedah kuantitatif seperti soal selidik terutama kajian ini merupakan kajian penerokaan. Lagipun, teknik temu bual dapat menghasilkan data terperinci serta memberi gabungan konteks dalam memahami fenomena sesuatu kajian.

Temu bual separa berstruktur telah dibentuk untuk mengumpul data yang diperlukan. Reka bentuk ini memberi peluang kepada pengkaji memperoleh maklumat yang berkaitan pengalaman guru dalam penyediaan pendidikan vokasional pelajar berkeperluan khas. Protokol temu bual telah digunakan

sebagai panduan semasa sesi temu bual dijalankan dan soalan susulan dibina berdasarkan maklum balas daripada peserta kajian. Fleksibiliti ini telah memberi ruang kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat signifikan yang tidak dijangka. Kata kunci atau frasa telah diekstrak, dikelompokkan, dan diterjemahkan dalam bentuk tema. Peserta kajian mengesahkan data yang telah dianalisis untuk kebolehpercayaan serta keboleharapan. Pengkaji juga telah membenarkan peserta kajian memberi pandangan mereka semasa proses interpretasi data bagi meningkatkan kesahan dan mengurangkan bias.

3.1 Peserta Kajian

Peserta kajian adalah guru yang mempunyai pengalaman lebih daripada lima tahun mengajar pelajar berkeperluan khas bermasalah pendengaran di sebuah SMPKV. Mereka telah dipilih secara rawak berdasarkan kriteria yang perlukan oleh pengkaji.

3.2 Pemungutan Data

Pengkaji telah mendapat kebenaran daripada pihak KPM, Jabatan Pelajaran Negeri, dan sekolah sebelum pemungutan data dijalankan. Surat kebenaran diedar serta ditandatangan oleh semua peserta kajian bagi menyatakan persetujuan mereka dalam menyertai kajian ini. Mereka juga dimaklumkan bahawa semua kegiatan temu bual akan dirakamkan sebagai bukti di samping memudahkan proses transkripsi .

Temu bual secara bersemuka dijalankan terhadap semua peserta kajian. Pengkaji memulakan sesi temu bual dengan menjelaskan tujuan kajian dan diikuti dengan soalan am berkaitan dengan latar belakang peserta kajian. Tempoh sesi temu bual adalah di antara 45 minit hingga dua jam. Temu janji dibuat terlebih dahulu dengan semua peserta kajian sebelum sesi temu bual dijalankan. Sesi temu bual dijalankan pada masa lapang peserta kajian bagi mengelakkan gangguan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

4. Dapatan dan Perbincangan

Peserta kajian adalah terdiri daripada lapan orang guru iaitu enam orang guru perempuan dan dua orang guru lelaki. Seorang guru adalah berbangsa India sementara yang lain adalah berketurunan melayu. Hanya seorang guru sahaja yang mempunyai latar belakang pendidikan khas secara formal. Profil peserta kajian dapat diringkaskan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	Jantina	Tahap pendidikan tertinggi	Pengalaman mengajar (tahun)
PK1	Perempuan	Sarjana Muda	7
PK2	Perempuan	Sarjana Muda	5
PK3	Lelaki	Sarjana Muda (Pendidikan Khas)	14
PK4	Perempuan	Sijil	16
PK5	Lelaki	Sijil	24
PK6	Perempuan	Sijil	26
PK7	Perempuan	Sarjana Muda	12
PK8	Perempuan	Sarjana Muda	10

Dapatan kajian memberi maklumat yang mendalam tentang kemahiran kebolehkerjaan yang diterapkan oleh guru kepada pelajar berkeperluan khas semasa mereka berada di sekolah. Jadual 3 menunjukkan tema-tema kemahiran kebolehkerjaan yang timbul daripada data hasil temu bual guru. 26 sub tema yang terjelma dalam analisis data yang dilakukan oleh pengkaji.

Jadual 3: Tema dan Sub Tema untuk Kemahiran Kebolehkerjaan yang diterapkan oleh guru

Tema	Sub Tema	Petikan penyataan yang terpilih
Kemahiran asas	Mengurus diri Membaca Menulis Mengira Komunikasi Komputer	<ul style="list-style-type: none"> mendraft pola, pelajar kena mengukur badan. So masa tu, dia kena mengira. Memang kena ukur badan, lepas tu dia kena buat kiraan. Ada beberapa bahagian kena buat pengiraan. Bahagi dua, bahagi lima, bahagi empat, darab dua, ada tambah, so pelajar kena kira and then dia kena ikut pattern pola (PK1). Selalunya saya yang akan betulkan ayat. Contohnya “ehh...tadi dah tanya dah dengan cikgu”, saya jawab, “tu kamu bukan tanya tapi kamu bagitahu saya”. Tanya dan beritahu berbeza. Tanya tu lebih kepada nak info daripada orang...(PK6).
Kemahiran berkaitan pekerjaan	Kemahiran vokasional Menyelesaikan masalah Etika di tempat kerja Keselamatan Mengurus Mencari maklumat Keusahawanan Membuat keputusan Kemahiran berfikir	<ul style="list-style-type: none"> ...dalam grafik kita minta dia buat lakaran idea. Lakaran idea memang dia kena fikir kalau dia nak hasilkan produk pembungkusan. Apa dia ciri-ciri yang harus ada pada bungkusan tu. Pertama ciri-ciri yang ada pada kotak pembungkus tu dan dia perlu ada bermacam-macam, bukan satu lakaran saja. Dia kena ada banyak, dia kena pilih untuk satu hasil akhir (PK7).
Kemahiran interpersonal	Kerja berkumpulan Kepimpinan Kerjasama Mengajar orang lain	<ul style="list-style-type: none"> Dua orang pelajar yang pandai dan bijak sikit tu, saya selalu cakap, kalau you dah siap, ajar kawan-kawan. Memang dia buat, dia ajar kawan-kawan dia, macam kita ajar dia (PK2).
Kualiti peribadi	Berani Disiplin Berdikari Tepati masa Menghormati Kebersihan Keyakinan diri	<ul style="list-style-type: none"> Mula datang dulu, dia kurang tahu cara menghormati guru, kalau jumpa guru apa dia patut cakap. Bila dia nak keluar kelas, apa dia patut buat. Jadi di sini, kita latih dia. Kalau jumpa guru, mesti ucap Assalamualaikum. Kalau dulu tak diingatkan, di sini dia tahu. Jumpa kita, dia selalu beri Assalamualaikum (PK4).

Kemahiran kebolehkerjaan telah diterapkan kepada pelajar berkeperluan khas di SMPKV sama ada secara langsung dan tidak langsung. Penerapan kemahiran kebolehkerjaan dilakukan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) serta aktiviti kokurikulum. Guru sebagai pelaksana program

pendidikan vokasional telah berusaha menerapkan asas kemahiran kebolehkerjaan yang membolehkan pelajar berkeperluan khas diambil bekerja selepas tamat persekolahan.

5. Penutup dan Cadangan

Pendidikan vokasional ialah satu program pendidikan dan latihan tersusun untuk melahirkan tenaga kerja yang dapat melengkapkan pelajar berkeperluan khas dengan kemahiran kebolehkerjaan yang dikehendaki oleh pihak majikan. Kajian menunjukkan bahawa individu berkeperluan khas memiliki bakat dan boleh menyumbang kepada produktiviti kerja (Faridah, 2003; Sharma, Shobra, & Kutty, 2006). Malahan, individu berkeperluan khas boleh menyumbang kepada pembangunan negara dan menjadi pembayar cukai seandainya peluang pekerjaan diberikan kepada mereka (Melissa et al., 2011). Kebanyakan individu berkeperluan khas juga boleh menunjukkan prestasi dan menjadi produktif seperti pekerja tipikal lain sekiranya diberi peluang (Tiun Ling Ta, Lee Lay Wah, & Khoo Suet Leng, 2011). Justeru, peluang pekerjaan perlu diberikan kepada golongan pelajar berkeperluan khas supaya kebolehan serta keupayaan mereka dapat ditonjolkan hasil daripada pendidikan yang diterima.

Pelaburan ke atas pendidikan pelajar berkeperluan khas merupakan satu modal kepada pembangunan insan yang menjadi aset kepada pembangunan ekonomi negara. Pihak kerajaan mengharapkan penyediaan pendidikan vokasional kepada pelajar berkeperluan khas akan membolehkan mereka menembusi pasaran pekerjaan. Namun, kemahiran kebolehkerjaan yang diperolehi oleh pelajar berkeperluan khas semasa di pendidikan vokasional belum tentu dapat memenuhi kehendak majikan sepenuhnya. Oleh itu, keperluan majikan terhadap pekerja berkeperluan khas perlu diambilkira supaya dapat memenuhi jangkaan serta harapan mereka. Dengan memahami keperluan majikan, ia dapat mewujudkan kesepadan kemahiran kebolehkerjaan yang diterapkan oleh guru dengan kemahiran kebolehkerjaan yang dikehendaki oleh majikan.

Penghargaan

Kertas kerja ini di bawah penajaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Rujukan

Ahmad, Esa. (2007). *Penerapan kemahiran generik menerusi kurikulum di Politeknik bagi memenuhi keperluan industri di Malaysia*. (Doktor Falsafah), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor.

Anizam Mohamed Yusof, Manisah Mohd Ali, & Salleh, Amla Mohd. (2012). *Penerapan Kemahiran Kebolehkerjaan dalam kalangan Pelajar Berkeperluan Khas*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012, Hotel Puteri Pasific, Johor Bahru.

Bahagian Pendidikan Khas. (2006). *Collaboration based on partnership towards realization of principle, equity and social cohesion: Malaysian perspective*. Paper presented at the Pacific International Seminar on Special Education Japan, The National Institute of Special Education Japan.

Bahagian Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Data Pendidikan Khas 2010*. Bahagian Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Brown, B. L. (2002). *Generic Skills in Career and Technical Education: Myths and Realities*. Columbus, Ohio: Eric Clearing on Adult, Career and Vocational Education.

Callan, V. J. (2003). *Generic Skills: Understanding Vocational Education and Training Teacher and Student Attitudes*. Leabrook: National Centre for Vocational Education Research.

Faridah, Serajul Haq. (2003). Career and Employment Opportunities for Women with disabilities in Malaysia. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 14(1), 71-78.

Hiller, Ashleigh, Campbell, Heather, Mastriani, Karen, Izzo, Margo Vreeburg, Kool-Tucker, Andrea K., Cherry, Laura, & Beversdorf, David O. (2007). Two-year evaluation of a vocational support program for adults on the autism spectrum. *Career development for exceptional individuals*, 30(1), 35-47.

Jabatan Pendidikan Khas. (2005). *Sukatan pelajaran mata pelajaran vokasional khas*. Program pendidikan khas bermasalah pembelajaran sekolah menengah. Kementerian Pendidikan Malaysia. Akta 550, Akta Pendidikan, Undang-undang Malaysia (1996).

Krajewski, J, & Callahan, J. (1998). Service-learning: A strategy for vocational training of young adults with special needs. *The Journal for Vocational Special Needs Education*, 34-38.

Lokman, Mohd Tahir , Nurul Qistin, Mustafa, & Mohd Hanafi, Mohd Yassin. (2009). Pendidikan teknik dan vokasional untuk pelajar berkeperluan khas *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 73-87.

Lokman, Mohd Tahir, Nurul Qistin, Mustafa, & Mohd Hanafi, Mohd Yassin. (2009). Pendidikan Teknik dan Vokasional untuk Pelajar Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan* 24, 73-87.

Manisah, Mohd Ali, Ramlee, Mustapha, & Zalizan, Mohd Jelas. (2006). An empirical study on teacher's perception towards inclusive education in Malaysia. *International Journal of Special Education*, 21.

Melissa, Ng Lee, Yen, Abdullah, & See, Ching Mey. (2011). Employment of people with disabilities in Malaysia: Drivers and inhibitors. *International Journal of Special Education*, 26(1), 112-124.

Monahan, Michael P. (2003). Social skills and problem behavior assessment of general and special education career and technical education students. *The Journal for Vocational Special Needs Education*, 25(2 &3), 3-10.

Ramlee, Mustapha. (2004). IT and multimedia literacy in technical and vocational education in Malaysia. *International Journal of Digital Contents*, 2(1), 113-115.

Sharma, R.N, Shobra, Singh, & Kutty, A. T. Thressia. (2006). Employment Leads to Independent Living and Self-advocacy: A Comparative Study of Employed and Unemployed Persons with Cognitive Disabilities. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 17(1), 50-60.

Shier, Micheal, Graham, John R., & Jones, Marion E. (2009). Barriers to employment as experienced by disabled people: A qualitative analysis in Calgary and Regina, Canada. *Disability & Society*, 24(1), 63-75.

Singley, Susan G. (2003). Barriers to Employment among Long-term Beneficiaries: A review of recent international evidence (M. o. S. Development, Trans.). Wellington: Centre for Social Research and Evalution.

Tiun Ling Ta, Lee Lay Wah, & Khoo Suet Leng. (2011). Employment of People with Disabilities in the Northern States of Peninsular Malaysia: Employers' Perspective. *Disability, CBR and Inclusive Development*, 22(1), 79-94.

Walls, R.T., & Fuimer, S.L. (1997). Competitive employment, occupations after vocational rehabilitations. *Journal of the American Rehabilitation Counseling Bulletin*, 41(1).

Zainudin Mohd. Isa, Noraini Salleh, & Ramlee Mustapha. (2009). Kurikulum pendidikan vokasional murid bermasalah pembelajaran (MP). *Diges Pendidik*, 9(2), 89-99.